

**KEBERKESANAN INISIATIF NBOS MY BEAUTIFUL MALAYSIA DALAM
MENANGANI PERMASALAHAN DADAH DI KAWASAN BERISIKO TINGGI
DALAM NEGERI PERAK**

Mohd Muzafar Shah bin Mohd Razali, Othman Bin Lebar, Siti Eshah Binti Mokhsin, Ahmad Jazimin Bin Jusoh, Md Azman bin Shahadan, Mohammad Aziz Shah bin Mohamed Arip, Nurul Ain Binti Mohd Daud, Hamidah Binti Sulaiman, Nur Alina Fatilah Binti Mohamad, Azad Athahiri Bin Anuar

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui keberkesanan inisiatif NBOS *My Beautiful Malaysia* (MyBM) dalam menangani permasalahan dadah di kawasan berisiko tinggi dalam negeri Perak. Kajian ini terbahagi kepada tiga fasa, fasa pertama adalah menjalankan temu bual bersama pemegang taruh iaitu Ketua Pengarah dan pegawai bahagian pencegahan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) bagi mendapatkan maklumat berkenaan pelaksanaan program MyBM. Fasa kedua pula merupakan sebuah kajian tinjauan menggunakan kaedah edaran soal selidik bagi mengumpulkan data berkenaan keberkesanan pelaksanaan program MyBM. Responden bagi kajian tinjauan ialah ahli SKUAD AADK seramai 886 orang. Alat ukur yang digunakan bagi mengumpulkan data kajian tinjauan ialah set soal selidik keberkesanan program MyBM yang telah dibangunkan oleh penyelidik. Dapatan keseluruhan kajian tinjauan menunjukkan bahawa terdapat tiga faktor utama yang menyumbang kepada keaktifan program MyBM iaitu pengetahuan, kesukarelawanan dan halangan. Bagi fasa ketiga iaitu kajian kes, temu bual telah dijalankan ke atas wakil komuniti daripada enam kawasan yang terlibat dengan pelaksanaan program MyBM. Dapatan daripada temu bual menunjukkan bahawa pelaksanaan program MyBM memberikan kesan positif dalam usaha menangani permasalahan penagihan dadah melalui aktiviti pembersihan port penagihan dan mengindahkan kawasan. Keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan pelaksanaan program MyBM mencapai objektif pelaksanaannya disamping memberikan perhatian kepada faktor meningkatkan pengetahuan, kesukarelawanan dan mengatasi halangan yang dihadapi.

Kata kunci:

Mencegah dadah dalam komuniti, *My Beautiful Malaysia*, dan kesukarelawanan